

Berita Harian

NHC selaras rumah mampu milik seluruh negara

PUTRAJAYA: Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) akan menubuhkan Perbadanan Perumahan Negara (NHC) bagi menyelaraskan semua projek perumahan mampu milik yang dibangunkan Kerajaan Persekutuan dan negeri, termasuk rumah PR1MA di bawah satu agensi mulai tahun hadapan.

Menterinya, Zuraida Kamaruddin, berkata NHC akan menyelaraskan projek terbabit berdasarkan model yang diguna pakai oleh Lembaga Pembangunan Perumahan (HDB) di Singapura.

"Saya ada bertemu dengan wakil kerajaan Singapura selepas memegang kementerian ini. Apa yang saya boleh katakan, kita menuju ke arah itu (untuk selaraskan semua projek perumahan mampu milik).

"Ia mungkin tidak 100 peratus seperti yang dilaksanakan Singapura melalui HDB kerana kita perlu ada cara tersendiri untuk Malaysia bagi memenuhi pasaran tempatan," katanya pada sidang media, di sini.

Zuraida berkata, KPKT sudah mencapai hampir 200,000 unit rumah, yang sedang dan siap dibina dalam tempoh sejak Julai 2018 hingga 31 Disember 2019.



ZURaida Kamaruddin.

Beliau berkata, daripada 183,021 keseluruhan unit rumah itu, 20,884 kediaman adalah yang sudah siap, 73,701 dalam pembinaan dan 88,436 pula masih dalam perancangan.

Katanya, 68,829 unit rumah melalui projek Syarikat Perumahan Negara Bhd (SPNB); 44,255 (PR1MA); 27,605 (Rumah Malaysia); 37,884 (Program Perumahan Penjawat Malaysia) dan 4,448 (Transit Belia).

Berdasarkan jumlah beliau berkata, pihaknya melihat sasaran untuk mewujudkan satu juta rumah dalam tempoh 10 tahun seperti terkandung dalam Manifesto Pakatan Harapan (PH) positif untuk dilaksanakan atas pencapaian kini.

Sementara itu, mengulas mengenai Kempen Pemilikan Rumah (HOC) bermula Mac hingga 31 Disember lalu, Zuraida berkata ia berjaya mencapai sasaran dengan penjualan 31,415 unit rumah dengan nilai jualan selepas diskaun ialah RM19.8 bilion.

Beliau berkata, penganjuran HOC itu ternyata membantu mengurangkan unit yang tidak terjual oleh pemaju termasuk dari swasta selain meningkatkan penjualan unit dari PR1MA dan SPNB.

Tamat...